

Faktor Pembentukan Kerjasama Politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan parti politik di Malaysia dari 1974-2022

The Political Coalition of The Malaysian Islamic Party (PAS) since 1974-2022

Nur Ayuni Mohd Isa¹, Zaid Ahmad², Ahmad Tarmizi Talib³, Jayum Jawan⁴ & Ratna Roshida Abdul Razak⁵

^{1,2,3,4,5} Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;

Article progress

Received: 29 September 2022

Accepted: 14 December 2022

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:
Nur Ayuni Mohd Isa, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia;
Email: nurayuni@upm.edu.my

Abstrak: Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang mengamalkan sistem pelbagai parti yang mana tiada parti mampu membentuk kerajaan pemerintah secara bersendirian. Oleh itu, parti-parti politik memerlukan kerjasama politik untuk membentuk kerajaan pemerintah. Penyertaan PAS dalam menjalin kerjasama politik juga tidak terkecuali. PAS telah menjalankan kerjasama politik dengan pelbagai parti yang berbeza dasar dan latar belakang sebanyak tujuh kali bermula pada tahun 1974 dengan Barisan Nasional (BN), Harakah Keadilan Rakyat (HAK), Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR), Muafakat Nasional (MN) dan Perikatan Nasional hingga 2022. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan pengaruh terhadap pembentukan kerjasama politik PAS. Kaedah analisis kandungan dan analisis perbandingan berdasarkan kualitatif digunakan hasil daripada data temubual mendalam dengan pemimpin utama PAS, UMNO, PKR, dan DAP dan teks-teks Ucapan Dasar Presiden PAS dalam Muktamar Tahunan dari tahun 1974 hingga 2020. Dapatkan artikel ini menunjukkan pengaruh kerjasama politik PAS berdasarkan tiga pertimbangan utama iaitu pertama, pertimbangan dasar (policy seeking) yang dibuktikan apabila PAS menjalankan kerjasama politik untuk mencapai matlamat dasar partinya melaksanakan negara Islam dan hukum-hukum Islam dalam pentadbiran negara. Kedua, adalah berdasarkan pertimbangan untuk mendapatkan kuasa (office seeking) dan dibuktikan dengan matlamat menumbangkan kerajaan pemerintah BN dan PH, perebutan jawatan dalam kabinet di antara PAS dan parti komponen lain, serta beberapa manfaat yang diambil daripada perpecahan parti lawan. Ketiga, pertimbangan untuk mendapatkan undi (voting seeking) di mana kerjasama politik memberi lebih banyak undian pada PAS berbanding bertanding secara sendirian. Dengan penemuan ini, artikel ini menyumbang kepada khazanah ilmu politik, iaitu menjelaskan pengaruh terhadap keputusan yang diambil oleh sesebuah parti politik dalam menjalankan kerjasama politik.

Kata kunci: kerjasama politik, faktor, parti politik, PAS;

Abstract: Malaysia as a democratic country that practises a multi-party system; hence a single party could not gain most seats to form the government alone. This had led to the formation of political coalition by PAS. As of now, PAS had established seven political coalitions with different parties of policies and backgrounds, from Barisan Nasional (BN) to Harakah Keadilan Rakyat (HAK) to Angkatan Perpaduan Ummah (APU) to Barisan Alternatif (BA), Pakatan Rakyat (PR), Muafakat Nasional (MN)

and lastly, Perikatan Nasional (PN), from 1974 until 2022. Therefore, the study aimed to explain the influences that involves in the formation of PAS's political coalitions. In this study, data were analysed qualitatively via in-depth interviews with PAS, PKR, UMNO, and DAP main leaders, and the extraction of the content analysis from the texts of Presidential Policy Speech delivered at the Annual Muktamar from 1974 to 2020. Findings have revealed that the political coalitions created by PAS were formed through discussions of common goals. Finding on the impact of political cooperation indicate that PAS has made three rational judgements based on 3 influences; i) forming a political coalition to achieve the policy objectives of the party (policy seeking) that occurred to their mission to implement Islamic Judiciary into the governance of the country, (ii) gaining power (office seeking), (iii) gaining votes to win elections (vote seeking). The study's finding undoubtedly contributes to the richness of political sciences knowledge by analyzing the influence and factors made by political party in the act of forming political coalition.

Keywords: political coalition, political party, factor, PAS;

Pengenalan

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, penubuhan parti-parti politik merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebagai perantaraan bagi pihak pemerintah dengan rakyat. Lijphart (1977) menyatakan bahawa parti politik merupakan sebuah organisasi tetap yang bermatlamat untuk menguasai kuasa dan kabinet secara berterusan yang mana kuasa boleh diperolehi melalui kerjasama politik, dan perlu dikongsi dengan parti-parti lain bagi merealisasikan kestabilan politik. Menurut Bergman dan rakan-rakan (2021) kerjasama antara parti-parti politik berlaku kerana tiada satu parti pun mampu mendapatkan majoriti mudah kerusi parlimen bagi membentuk kerajaan pemerintah secara bersendirian. Ini memberi maksud kerjasama parti-parti politik yang berlaku dalam sistem demokrasi berparlimen merangkumi kerjasama antara parti kerajaan dan pembangkang atau antara parti-parti kerajaan sahaja demi membentuk kerajaan pemerintah.

Dalam konteks di Malaysia, kerjasama politik antara parti-parti politik berlaku sejak Pilihan Raya Umum (PRU) yang pertama lagi di bawah payung Perikatan pada tahun 1950. Antara sebab utama yang menjelaskan keperluan gabungan kumpulan-kumpulan etnik di Tanah Melayu dan persetujuan mereka untuk bekerjasama di bawah Perikatan adalah kerana pihak British tidak akan memberi kemerdekaan jika orang Melayu tidak dapat bekerjasama dengan etnik lain. Pembentukan kerjasama politik di negara berbilang parti seperti di Malaysia terpaksa diwujudkan kerana ia merupakan satu alternatif

demi kestabilan politik. Ini kerana berlakunya pengagihan sumber politik dan ekonomi kepada kelompok yang berbeza (Lijphart, 1977). Hal ini kerana masyarakat pelbagai etnik seperti Melayu, Cina dan India dan agama seperti Islam, Kristian dan Buddha yang menjadi warganegara Malaysia mempunyai kehendak dan keperluan masing-masing. Politik yang stabil perlu untuk melaksanakannya. Parti-parti yang tertubuh sebelum dan selepas merdeka memperjuangkan dasar parti masing-masing. Contohnya, PAS yang memperjuangkan Islam dan ingin mendirikan negara Islam, dan Parti Buruh dan Partai Sosialis Rakyat Malaysia yang memperjuangkan dasar sosialis. Keadaan ini telah memberi kesan kepada sistem dan percaturan politik negara. Menarik dalam sejarah parti politik PAS, sejarah kerjasama politik tersebut dengan parti lain memakan masa yang lama bermula selepas merdeka sehingga ke hari ini. Kerjasama ini mempunyai pelbagai faktor dan pengaruh yang mendorong pembentukan kerjasama politik dengan parti-parti lain.

PAS merupakan sebuah parti politik utama tanah air yang ditubuhkan sebelum merdeka iaitu pada tahun 1951. PAS telah menjalinkan kerjasama politik sebanyak tujuh (7) kali dengan pelbagai latar belakang parti atau pakatan sama ada dalam kalangan pihak kerajaan maupun pembangkang. Parti atau pakatan tersebut adalah Barisan Nasional (BN), Harakah Keadilan Rakyat (HAK), Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR), dan Muafakat Nasional.

Menyoroti sejarah, kerjasama politik PAS bermula dengan Parti Perikatan yang kemudiannya ditukar nama

ke Barisan Nasional (BN). Pada 1 Januari 1973, wujudnya Kerajaan Campuran dengan rasmi iaitu kerjasama antara PAS dengan BN yang dianggotai oleh beberapa buah parti politik lain, iaitu *United Malays National Organisation (UMNO)*, *Malayan/Malaysian Indian Congress (MIC)* dan *Malayan/Malaysian Chinese Association (MCA)*, Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN), SUPP, PPB, dan Perikatan Sabah. Namun begitu, PAS telah disingkirkan daripada kerjasama politik tersebut pada 13 Disember 1977.

Selepas tersingkir daripada menjalin kerjasama dengan BN, PAS telah memilih untuk bekerjasama dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada tahun 1986 dan menamakan gabungan itu sebagai Harakah Keadilan Rakyat (HAK). Pada pilihan raya seterusnya, pada tahun 1990 dan 1995, PAS telah bekerjasama dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU) bersama beberapa parti seperti Parti Melayu Semangat 46 (S46), Barisan Jemaah Islamiah Semalaysia (BERJASA), Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dan Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA). Kesemua parti ini terdiri daripada ahli-ahli yang beragama Islam. Kerjasama politik ini berakhir pada tahun 1996 disebabkan parti S46 telah dibubarkan kerana parti ini menyertai UMNO semula.

Kemudiannya, bagi Pilihan Raya Umum (PRU) 1999 dan 2004 pula, PAS memilih untuk bekerjasama dengan Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif (BA). Namun pada 21 September 2001, DAP mengumumkan pengundurannya daripada BA. Pada pilihan raya umum tahun 2008 dan 2013, PAS meneruskan semula kerjasama politik dengan parti yang sama, iaitu DAP dan PKR yang dinamakan sebagai Pakatan Rakyat (PR) dan berakhir pada tahun 2015.

Seterusnya, PAS telah berkerjasama dalam Muafakat Nasional (MN) antara UMNO dan PAS demi kepentingan Melayu dan Islam dan survival kaum majoriti negara ini. PAS juga bekerjasama dalam Parti Perikatan Nasional (PN) yang didaftarkan pada 7 Ogos 2020 setelah mengambil alih tumpuk pemerintahan negara tanpa pilihanraya atau erti kata lain tanpa melalui mandat rakyat. Peralihan kuasa yang berlaku adalah hasil kerjasama politik antara beberapa parti. Parti yang terlibat dalam Perikatan Nasional terdiri daripada empat buah parti komponen iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan dua parti politik tempatan di Sabah iaitu Parti Solidariti Tanah Airku (STAR Sabah) dan Parti Progresif Sabah (SAPP).

PAS merupakan salah sebuah parti politik yang mempunyai pengalaman yang pelbagai dalam kerjasama

politik dan juga merupakan sebuah parti yang menyertai pilihan raya sejak tahun 1955 lagi dan masih bertahan sehingga kini. Pilihan raya merupakan instrumen utama yang menandakan sesebuah negara itu mengamalkan sistem demokrasi bagi memilih wakil rakyat dan secara tidak langsung memilih parti yang akan membentuk kerajaan.

Kertas ini bertujuan meneliti faktor-faktor yang mendorong dan mempengaruhi PAS untuk menjalin kerjasama politik dengan parti-parti lain dari tahun 1974 hingga tahun 2022.

Objektif

Artikel ini menumpukan perhatian kepada faktor-faktor utama yang mendorong pembentukan kerjasama politik dalam konteks Malaysia secara amnya dari tahun 1974-2022. Bagi tujuan analisis isu kerjasama politik tersebut, artikel ini memfokuskan kepada parti PAS sebagai subjek artikel ini disebabkan pengalaman PAS dalam bekerjasama dengan hampir kesemua parti politik yang terdapat di Malaysia samada parti dari pihak kerajaan atau dari pihak pembangkang.

Tinjauan literatur

Masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan agama telah mempengaruhi sistem parti politik di Malaysia (Mansor, 2006). Katni Kamsono (1986) menyatakan parti politik menggunakan dan memainkan isu untuk menarik perhatian rakyat bagi kepentingan parti dan politiknya. UMNO dibentuk untuk memperjuangkan nasib orang Melayu dari penjajahan British dan nasib bangsa Melayu di tanah air. MIC ditubuhkan untuk menjaga kepentingan etnik India dan MCA diwujudkan untuk menjaga kepentingan kaum Cina. PAS menggunakan isu keislaman bagi mengajak rakyat menyokong dan menjadi ahli PAS. DAP pula menggunakan isu ekonomi bagi mendapatkan sokongan kaum Cina dan UMNO pula menggunakan isu perpaduan. Dapatan ini seiring dengan Rizal Yaakop dan Jumaat Abd., (2002) yang menyatakan parti politik masih mengeksploitasi isu-isu yang dekat dengan masyarakat yang mana UMNO membawa isu bahasa, agama, hak kestimaewaan kaum Melayu, kedudukan raja-raja, manakala isu Negara Islam masih menjadi isu dan perjuangan PAS semenjak penubuhannya sehingga pilihan raya 1999. Dan isu yang menjadi kepentingan masyarakat Cina ditimbulkan oleh DAP seperti pendidikan dan ekonomi. Kajian ini membuktikan bahawa asas perjuangan sesebuah parti politik mempunyai kaitan yang jelas dengan isu yang dimainkan demi menarik undi dan mencari sokongan seperti PAS

yang memperjuangkan dan membawa agenda Negara Islam.

Mohd Sabri (2016) menyatakan bahawa tindakan parti politik Melayu mengadakan kerjasama politik dengan parti lain adalah untuk memperjuangkan Melayu, menegakkan agama, dan membela bangsa dan negara. Kajiannya yang mengkaji persaingan parti politik Melayu menumpukan kepada persaingan pemeriksaan Islam, kuasa, kepimpinan, perpaduan dan perbincangan lebih tertumpu kepada penglibatan parti UMNO dan PAS. Dapatan kajian beliau menunjukkan perpecahan yang melibatkan orang Melayu adalah disebabkan persengketaan antara parti politik yang berpanjangan. Selepas kerjasama politik PAS dengan UMNO terbubar, PAS mendakwa sesiapa yang menyertai UMNO adalah bertentangan dengan akidah Islam dan dengan sendirinya terkeluar daripada agama Islam. Persaingan antara kedua parti ini, UMNO dengan PAS semakin menebal sehingga perkara yang berkaitan dengan akidah juga dibangkitkan dengan wujudnya gejala kafir mengkafir, wujudnya sembahyang dua imam, memboikot majlis kenduri, tidak bertegur sapa, kubur berasingan dan sebagainya. Pembentukan kerjasama PAS dan UMNO dahulu menunjukkan bahawa wujudnya faktor yang telah mempengaruhi PAS dalam kerjasama politik pertama poitik ini iaitu memperjuangkan Melayu, menegakkan agama, dan membela bangsa dan negara.

Kajian berkenaan kerjasama politik PAS dengan Semangat 46 pada tahun 1988–1996-pula dibuat oleh Ali Mazlan (1998). Beliau menyatakan faktor kerjasama PAS dengan APU adalah bersifat sementara iaitu bertujuan untuk menghadapi BN dan juga pilihan raya. Kerjasama antara PAS dan APU terbubar disebabkan oleh perbezaan dasar parti dan pendekatannya dalam politik serta penyertaan semula S46 ke dalam UMNO. Beliau juga menerangkan perebutan jawatan dalam kerajaan menunjukkan kedua-dua parti ini saling tidak mempercayai dan mempunyai agenda tersendiri. Namun artikel ini memfokuskan dan terhad kepada salah satu kerjasama yang pernah disertai PAS iaitu dengan APU dan terbatas kepada kesan kerjasama kedua-dua parti ini dalam senario perkembangan politik di Kelantan. Namun begitu menurut Razaleigh (2018), beliau menjelaskan pendapatnya tentang konsep PAS dalam memperjuangkan Islam dan perbezaan dengan konsep perjuangan UMNO yang mementingkan kedudukan orang Melayu dalam negara ini.

Seterusnya, kajian mengenai kerjasama politik PAS dalam BA pula dibuat oleh beberapa pengkaji. Choong Tek Choy (2007) telah memfokuskan kepada kerjasama politik DAP dengan PAS dan PKR dalam BA. Dapatan kajian beliau menunjukkan faktor yang menyebabkan DAP menjalankan kerjasama politik BA adalah untuk membina sebuah pakatan politik pembangkang yang

kuat untuk mendepani kerajaan pemerintah BN. Kerjasama ini memperlihatkan bahawa DAP dan PAS memberikan keutamaan kepada matlamat bersama yang dianggap sebagai matlamat yang lebih besar dan mengenepikan dasar parti mereka yang ternyata berbeza. Kajian beliau juga turut menjelaskan faktor pembubaran kerjasama politik BA apabila PAS berkeras untuk melaksanakan agenda Islam dan DAP pula sememangnya tidak dapat menerima. Beliau juga menyatakan bahawa kerjasama politik DAP adalah berbentuk *policy seeking* di mana dasar mempengaruhi tindakan DAP dalam mengadakan kerjasama dan pembubarannya. Ini menunjukkan bahawa wujudnya faktor bagi PAS menjalinkan kerjasama politik di mana situasi ketika itu kewujudan DAP dan PKR yang juga menentang kerajaan pemerintah menjadi pendorong utama kerjasama politik PAS-DAP-PKR berlaku. Perkara ini selari dan sejajar dengan pendapat Gobind (2019) DAP yang menyatakan dalam temu bual bersamanya yang mana menyatakan atas titik persamaan terhadap sesuatu isu telah digunakan sebagai tapak untuk mereka melakukan kerjasama antara parti-parti politik ini.

Syed Ahmad Hussien (2014) mendapati PAS telah mengurangkan pendekatan Islamnya yang dilihat ekstrem sebelum ini bagi menyesuaikan parti tersebut dengan masyarakat multietnik. Ini berikutan daripada PAS telah menyertai kerjasama politik dalam BA dengan parti yang terdiri daripada pelbagai etnik. Begitu juga dengan Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad (2002), yang menyatakan parti berdasarkan agama seperti PAS telah menunjukkan sifat terbuka dengan menghormati hak orang bukan Islam dalam kerjasama BA. Pendekatan PAS yang menjadikan kerjasama politik sebagai strategi parti tersebut dalam menentang pemerintah memberi impak yang signifikan dalam keterbukaan parti tersebut dengan menghormati hak orang bukan Islam.

Kamarul Zaman Yusoff (2013) dalam kajiannya mengulas mengenai konsep kepimpinan ulama dalam PAS dalam menangani beberapa isu pilihan raya, mentadbir negeri, dan menangani kemelut kerjasama dengan rakan-rakan pakatannya dalam BA dan PR. Kajian beliau menunjukkan PAS di bawah kepimpinan ulama terpaksa mengimbangi *idealismenya* dengan realiti tatanegara Malaysia, yang menyebabkan jalinan kerjasama politiknya tidak dilaksanakan dengan telus, demokratik dan Islamik.

Mohd Izani (2016) telah membuat kajian mengenai kerjasama politik PAS dari tahun 1999-2015 iaitu kerjasama PAS dalam BA dan PR. Dalam dapatan kajian beliau mendapati terdapat empat faktor yang menyumbang kepada kerjasama politik PAS iaitu pertama PAS telah mengiktiraf realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum yang menuntut PAS

untuk bekerjasama. Faktor kedua pula adalah untuk memenangi pilihan raya. Faktor ketiga pula adalah kerana ingin mewujudkan pakatan pembangkang yang mampu menjadi pilihan alternatif kepada rakyat. Faktor keempat PAS bekerjasama adalah tujuan dakwah. Skop kajian beliau adalah terhad kepada dua kerjasama politik PAS sahaja dan perbincangan kerjasama politik hanya secara umum tanpa menyentuh kerjasama politik dalam konteks pilihan raya seperti penamaan calon, kempen pilihan raya dan pengagihan kerusi. Faktor-faktor yang mempengaruhi PAS dalam kerjasama politik semakin variasi dalam pendekatan parti tersebut mendepani pilihanraya dan kerajaan pemerintah dalam memperjuangkan agenda dan mendapatkan kuasa.

Manakala kajian mengenai dasar PAS dibuat oleh Erica Miller (2006) yang mengkaji pengaruh dasar PAS terhadap empat aspek utama, dan didapati hanya dua yang mempunyai pengaruh daripada dasar parti iaitu undang-undang Islam dan pemerintahan, serta dasar luar negara dan keselamatan. Manakala dua aspek yang lain merupakan pragmatik iaitu demokrasi dan politik tempatan dan ekonomi. Beliau berpendapat PAS diklasifikasikan sebagai gabungan “*fundamentalist*” dan “*modernist*” di mana fundamental ialah model kerajaan yang dibina berdasarkan prinsip berdasarkan Al Quran dan Sunnah dan pada masa yang sama menolak model politik barat yang bertentangan dengan Islam manakala modenis menggabungkan model tradisi Islam dan model negara bangsa barat. Dalam kajiannya juga mendapati PAS hanya bermatlamatkan pelaksanaan undang-undang dan kerajaan Islam sahaja, manakala dari segi demokrasi dan politik tempatan, polisi luar dan keselamatan serta ekonomi adalah bersifat pragmatik. Kajiannya menggunakan sumber rujukan sekunder dan buku rujukan popular.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara temubual dan analisis dokumen. Organisasi yang dikaji dalam kajian ini merujuk kepada parti politik PAS dan peristiwa atau kes yang dikaji pula diwakili oleh tindakan kerjasama politik yang pernah dijalankan oleh PAS. Kajian ini adalah kajian *ex post facto study* yang mana kajian ini dilakukan selepas berlaku sesuatu kejadian dan peristiwa. Menurut Creswell (2015), penjanaan maklumat mengenai kajian kes tentang sesuatu fenomena dapat mengetahui dan melihat hubungan yang wujud antara pelbagai objek dan elemen yang terkandung dalam satu - satu kes.

Kajian ini menggunakan dua teknik pengumpulan data. Teknik pertama adalah kajian dokumen di mana dokumen seperti ucapan presiden dan hasil penerbitan yang menjadi sumber maklumat penting dalam kajian

ini. Teknik kedua pula, temubual mendalam yang bertujuan untuk memahami persoalan, proses, dan situasi yang diselidiki.

Proses pengumpulan data adalah melalui dokument-dokumen rasmi PAS seperti teks-teks ucapan dasar dalam mesyuarat agung (muktamar) tahunan dan khas PAS dari tahun 1969 sehingga tahun 2020. Data daripada presiden PAS melalui ucapan dasar dalam Muktamar tahunan dikumpul bermula dari tahun 1974 sehingga tahun 2013. Tahun 1974 dipilih sebagai permulaan kajian kerana merupakan kali pertama PAS menyertai kerjasama politik dengan parti-parti politik lain. Data ini terdiri daripada ucapan empat pemimpin utama PAS iaitu Mohd Asri, Yusof Rawa, Fadzil Noor dan Abdul Hadi. Pemimpin pertama, iaitu Mohd Asri yang merupakan pemimpin PAS ketika berlakunya kerjasama politik antara PAS dengan Perikatan (BN), Yusof Rawa pula terlibat dalam kerjasama politik PAS dengan HAK, Fadzil Noor pula terlibat dalam kerjasama politik PAS dengan APU dan BA, dan Abdul Hadi terlibat dalam kerjasama politik antara PAS dalam BA dan PR, MN dan PN. Oleh itu, data yang digunakan dalam kajian ini dalam adalah ucapan dasar muktamar yang hanya melibatkan keempat-empat pemimpin ini sahaja.

Data yang didapati daripada teks ucapan dasar pemimpin PAS adalah dalam bentuk ayat, perkataan, penceritaan dan pesanan (amanat) yang berkisar kepada matlamat, dasar, halatuju, keputusan dan tindakan berkaitan parti. Data ini dapat menjelaskan tentang hal-hal yang berkaitan dengan sejarah bermulanya penubuhan PAS, dasar PAS, perlombagaan parti, dan perkembangannya di dalam tempoh kajian.

Data yang berasaskan teks seperti transkrip ucapan muktamar pemimpin PAS, transkrip temu bual, diuruskan secara sistematik. Kod tertentu digunakan sebagai satu cara menyusun atur teks untuk dibuat interpretasi. Langkah ini juga dinamakan proses pembersihan data di mana pengkaji membaca maklumat berulang kali dan memahami maklumat ini sambil memikirkan jenis-jenis pengekodan yang akan dibuat mengikut tema - tema tertentu yang berkaitan dengan fokus kajian. Setelah itu, data diorganisasikan semula oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang ditentukan.

Dapatan kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan proses kerjasama politik PAS adalah melalui rundingan berasaskan titik pertemuan dan matlamat bersama. Titik persamaan telah memberi ruang dan menjadi faktor untuk pembentukan kerjasama politik antara parti politik berlaku. Pada ketika

ini, PAS dan parti politik lain mempunyai beberapa matlamat yang sama yang menjadi faktor pendorong kepada pembentukan kerjasama politik antara mereka. Terdapat tiga faktor yang menjadi titik persamaan PAS dengan parti-parti lain sepanjang tujuh kali kerjasama dengan BN, HAK, APU, BA, PR, MN dan PN. Di antara titik persamaannya dalam kerjasama politik yang dibentuk adalah bertujuan untuk membela nasib rakyat, kebaikan negara, menjaga perpaduan rakyat Malaysia serta menegakkan keadilan. Kedua, menumbangkan kerajaan pemerintah BN dan ketiga adalah untuk mendapatkan kuasa. Kerjasama yang dibentuk juga berdasarkan penghormatan dasar setiap parti dan tidak menghilangkan asas perlembagaan Malaysia seperti Islam agama rasmi, Islam sebagai ad-din sebagai teras, bahasa Melayu, kesetiaan pada sultan, raja-raja serta sebagainya. Terdapat tiga faktor yang mendorong PAS bekerjasama dengan parti-parti lain dan ia merupakan matlamat bersama PAS dengan parti-parti lain, iaitu menyatupaduan rakyat dan negara, menumbangkan kerajaan pemerintah, BN, dan mendapat kuasa. Ketiganya asas ini merupakan titik persamaan yang menjadikan pembentukan kerjasama politik PAS dengan parti-parti komponen lain.

Dapatan kajian menunjukkan faktor pembentukan kerjasama politik yang dilakukan PAS adalah berasaskan tiga pertimbangan utama iaitu pertama, pertimbangan dasar (*policy seeking*) yang dibuktikan apabila PAS menjalankan kerjasama politik untuk mencapai matlamat dasar partinya iaitu melaksanakan negara Islam dan hukum-hukum Islam dalam pentadbiran negara. Kedua, berasaskan pertimbangan untuk mendapatkan kuasa (*office seeking*) dan dibuktikan dengan matlamat untuk menumbangkan kerajaan pemerintah BN dan PH, perebutan jawatan dalam kabinet di antara PAS dan parti komponen lain, serta beberapa manfaat yang diambil daripada perpecahan parti lawan. Ketiga, pertimbangan untuk mendapatkan undi (*voting seeking*) di mana kerjasama politik memberi lebih banyak undian pada PAS berbanding bertanding secara sendirian.

PAS membentuk kerjasama politik bagi mencapai matlamat dasar partinya (*Policy Seeking*)

Faktor utama PAS dalam kerjasama politik adalah untuk mencapai matlamat dasar partinya iaitu menegakkan sebuah negara Islam dan pelaksanaan hukum Islam. PAS menganggap kerjasama politik yang dijalankan dengan parti-parti lain adalah sebagai keperluan, amanah dan tanggungjawab kepada partinya bagi memperjuangkan Islam. Agenda mewujudkan negara Islam adalah merupakan suatu yang penting dalam perjuangan politik PAS. Islam sebagai dasar telah

dimaktubkan dalam Perlembagaan PAS. Selain itu, tujuan utama PAS ditubuhkan adalah untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Tanah Melayu. Kedudukan Islam sebagai dasar PAS telah bermula sejak hari pertama penubuhannya oleh golongan ulama yang menubuhkannya. PAS sebagai pendukung utama politik Islam telah menyatakan di dalam perlembagaan partinya, tujuan dan matlamat utama PAS adalah untuk menegakkan sebuah negara Islam yang diperintahkan berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadis serta ijmak dan qias ulama. Pelaksanaan ijmak merujuk kepada perbahasan demi merumuskan keputusan oleh ulama pada zaman moden. Proses ijтиhad pula merupakan proses merumuskan sikap, pendirian, undang-undang dan dasar tentang sesuatu perkara baru berlandaskan kaedah Islam yang ditetapkan khususnya bagi mengenal yang tidak berubah dan yang berubah yakni antara hukum Allah dan hukum manusia.

Menubuhkan negara Islam dan melaksanakan undang-undang Islam adalah merupakan implementasi daripada dasar Islam. Usaha PAS untuk mencapai matlamat pelaksanaan negara Islam dapat dirumuskan bahawa dasar PAS berkisar pada dua perkara utama iaitu; mendirikan negara Islam dan perlaksanaan undang-undang Islam.

Oleh itu, PAS melihat kerjasama politik mampu untuk mendekatkan cita-citanya menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Berikut menunjukkan perbincangan pengaruh dasar yang menjadi faktor utama dalam kerjasama politik PAS bermula dengan kerjasama politik PAS dengan BN, kemudian kerjasama politik PAS dengan HAK, APU, BA, MN dan PN.

PAS membentuk kerjasama politik untuk mendapatkan kuasa dan jawatan (*Office Seeking*)

PAS melihat kerjasama politik membolehkan partinya mengembangkan kuasa dan ini sekaligus dapat melaksanakan tujuan untuk mencapai matlamat dasar partinya. Faktor mendapatkan kuasa dan jawatan mendorong PAS menjalankan kerjasama politik. Menurut Katni Kamsono (1986), lazimnya matlamat parti politik selalunya ditumpukan untuk mendapatkan kuasa supaya dapat memerintah negara dan melaksanakan segala rancangan dasar partinya.

Selepas pembubaran kerjasama politik pertama PAS dengan BN, PAS dan parti-parti lain yang merupakan parti pembangkang mempunyai matlamat untuk menumbangkan, melumpuhkan dan mengalahkan parti pemerintah BN yang disifatkan sebagai kerajaan yang zalim kerana isu penyelewengan rasuah. Matlamat ini telah menjadi faktor yang mempengaruhi PAS dengan

parti-parti lain untuk bekerjasama dalam HAK, APU, BA dan PR. Parti-parti pembangkang ini merasakan parti pemerintah BN merupakan musuh politik yang sama. Manakala, dalam pembentukan kerjasama politik PAS dengan MN dan PN pula adalah bertujuan untuk menumbangkan kerajaan pemerintah Pakatan Harapan (PH). Melalui kerjasama politik yang berlaku dalam MN dan PN ia berjaya menumbangkan PH dan seterusnya menjadi kerajaan pemerintah.

PAS membentuk kerjasama politik untuk mendapatkan undi dan kemenangan dalam pilihan raya (*Voting Seeking*)

PAS melihat kerjasama politik membolehkan partinya mengembangkan kuasa dan ini sekaligus dapat melaksanakan tujuan untuk mencapai matlamat dasar partinya. Tidak dapat dinafikan, kerjasama politik antara parti dapat meningkatkan jumlah kerusi dan undi dalam pilihan raya. Pilihan raya merupakan suatu proses untuk memilih Wakil Rakyat bagi memenuhi kerusi ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri. Pilihan raya juga merupakan satu mekanisme dalam menentukan perwakilan ke arah pembentukan kerajaan yang sah dalam sistem demokrasi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pemimpin PAS bersetuju bahawa kerjasama politik PAS membawa kepada peningkatan undi dalam pilihanraya. Pimpinan PAS di mana Tuan Ibrahim (2017), menyatakan kerjasama mampu memberi lonjakan pada PAS, begitu juga Idris Ahmad (2017), menyatakan kerjasama banyak memberi keuntungan kepada jumlah undi terutamanya sokongan dari orang Cina, dan Hashim Jasin (2017), menyatakan bersatu lebih kuat daripada bersendirian.

Dalam PRU 2008 memperlihatkan hubungan kerjasama politik PR lebih tersusun dari segi pembahagian kerusi DUN dan Parlimen. PAS telah mencapai kemenangan yang cemerlang dalam PRU ke-12 dengan mengelakkan pemerintahan di Kelantan, membentuk kerajaan di Kedah, diberi kepercayaan untuk mengetuai pemerintahan di Perak, dan membentuk kerajaan bersama di Selangor serta menyumbang kepada pemerintahan di Pulau Pinang dan juga memperkuatkannya kedudukan di Terengganu. Perjuangan PAS juga telah mula bertapak dan berkembang pesat di beberapa negeri seperti Pahang, Johor, Negeri Sembilan dan Perlis (Abdul Hadi, 2008). Kesan daripada kerjasama politik antara parti politik ini telah membawa kemenangan besar kepada parti-parti tersebut dalam pilihan raya. Kerjasama politik akan memberikan peluang untuk mendapat sokongan yang lebih besar dan seterusnya mengekalkan kuasa. Ini menunjukkan bahawa parti-parti politik ini mampu untuk membentuk kerajaan

dengan adanya kerjasama politik berbanding secara bersendirian.

Kesimpulan

Tiga faktor utama dalam kerjasama politik PAS iaitu bertujuan untuk membela nasib rakyat, kebaikan negara, menjaga perpaduan rakyat Malaysia serta menegakkan keadilan. Kedua, menumbangkan kerajaan pemerintah BN dan ketiga adalah untuk mendapat kuasa. Pada mulanya PAS tidak mahu untuk mengadakan kerjasama politik dengan parti yang jauh berbeza dengan dasarnya. Ia seiring dengan hujah De Swaan (1973), yang menyatakan dalam menjalankan kerjasama politik sesebuah parti akan ter dorong untuk memilih parti-parti yang mempunyai persamaan dengan dasar dan matlamat partinya. Hal ini adalah kerana persamaan yang wujud antara parti-parti ini akan mewujudkan kerjasama yang efektif dan mengurangkan timbulnya konflik. PAS mementingkan kerjasama yang mampu untuk mencapai cita-cita pelaksanaan Islam dalam kerjasama HAK dan APU. Dasar dijadikan pertimbangan dalam semua proses kerjasama politik bermula dengan pertimbangan ketika mahu membentuk kerjasama (hukum yang ditetapkan) dan sesuai dengan pertimbangan politik maka rundingan dengan parti lain kemudian ketika proses, syarat yang ditetapkan ketika bekerjasama, semasa bekerjasama dan juga sebab berlakunya pembubaran kerjasama politik tersebut. Namun bentuk kerjasama politik PAS telah mengalami perubahan dari berdasarkan dasar parti semata-mata kearah yang lebih bersifat rasional. Kerjasama PAS dalam BA dan PR telah mengubah corak pembentukan kerjasama politiknya yang mana strategi yang lebih matang diambil dan boleh menerima untuk bekerjasama dengan DAP dalam satu gabungan. Kerjasama PAS dengan DAP dalam BA dan PR melibatkan empat kali pilihan raya (PRU 1998, 2004, 2008, 2013). Pertimbangan yang dibuat pada ketika ini adalah lebih bersifat office seeking. Hal ini dipengaruhi oleh perubahan masyarakat massa. Perubahan masyarakat massa juga telah mempengaruhi corak kerjasama politik PAS. Pengundi generasi baru lebih idealistik dan terdedah dengan maklumat dari sumber internet yang tanpa batasan berbanding pegundi lama yang terikat dengan tradisi-tradisi perkauman dan politik pembangunan. Hal ini juga menyumbang kepada perubahan kerjasama politik PAS. Unsur-unsur dasar parti juga tidak dibincangkan dan lebih memikirkan isu semasa yang telah menjadi matlamat bersama seperti memperjuangkan keadilan, perpaduan rakyat dan negara, menumbangkan parti pemerintah, dan untuk mendapat kuasa.

Kesimpulannya artikel ini mendapati dasar PAS yang berlandaskan Islam tidak pernah

berubah, selari dengan dasar parti-parti politik lain. Hanya strategi dan pertimbangan yang dibuat bergantung kepada keadaan semasa tanpa mengubah dasar parti masing-masing. Namun pengurusan terhadap konflik yang timbul tidak dapat diatasi maka berlakulah pembubaran dan kerjasama politik dengan parti lain tidak dapat kekal lama. PAS lebih sesuai bersendirian dan telah dibuktikan apabila dasar partinya ingin menubuhkan negara Islam dan melaksanakan nilai dan hukum Islam tidak boleh membawa PAS untuk membentuk kerjasama politik dalam tempoh yang lama kerana dasar tersebut nyata berbeza dengan parti-parti lain. Politik PAS hanya mampu berkuasa di Kelantan dan Terengganu serta kawasan atau negeri yang majoritinya Melayu Islam.

Rujukan

Abdul Hadi, A. (1988). *Tahaluf*. Kertas kerja Naib Yang Dipertua PAS Pusat.

Amirah Ruzanah Abdullah, & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2022). UMNO dan Politik Identiti Pasca PRU-14, 2018-2022. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-14.e-ISSN 2600-9501.

Bergman, Torbjörn, Bäck Hanna, and Hellström Johan. (2021). Coalition Governance in Western Europe. In Torbjörn Bergman, Hanna Back, and Johan Hellström (eds), *Coalition Governance in Western Europe* (pp 1-14).

<https://doi.org/10.1093/oso/9780198868484.003.0001>.

De Swaan, A. (1973). *Coalition theories and cabinet formations: A study of formal theories of coalition formation applied to nine European parliaments after 1918* (Vol. 4). Jossey-Bass.

Junaidi Awang Besar, 2021. Performance of UMNO and Parti Amanah Negara (Amanah) in the GE-14 and post GE-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(24), 30–58.
<https://doi.org/10.35631/ijlgc.624003>.

Katni, K. K. (1986). *Asas ilmu politik*. Biroteks.

Lijphart, A. (1977). *Democracy in plural societies: A comparative exploration*. Yale University Press.

Mansor, M. N., Abdul Rahman, A. A., & Mohamad Ainuddin, I. L. (2006). *Hubungan Etnik Di Malaysia*. Prentice Hall.

Mohd Izani, M. Z. (2016). *Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam kerjasama politik di Malaysia, 1999-2015* [Doctoral dissertation, University of Malaya].

Nur Ayuni Mohd Isa (2019). *Tahaluf Siyasi Parti Islam Se-Malaysia Dalam Politik Malaysia dari Tahun 1973-2015*. [Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia].

Rizal, Y., & Jumaat, A. M. (2002). *Politik Etnik dan Perkembangan Politik Baru*. In Mohd. Yusof Kasim & Azlan Ahmad (eds.), *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sabri, M. N. (2016). *Persaingan politik Melayu di Semenanjung Malaysia, 1978-2013*. [Doctoral dissertation, University of Malaya].

Saiyid Radzuwan Syed Sopi. (2020). Dari Parti Serpihan ke Rakan Gabungan Pakatan Harapan: Evolusi Gerakan Harapan Baru (2015–2018). *Jurnal Perspektif*, 12(1), 1-11. ISSN 1985-496X / eISSN 2462-24351.

Strøm, K. (1990). A behavioral theory of competitive political parties. *American journal of political science*, 34(2), 565-598.

Syed Sopi, S. R. (2022). PAS Dan Transformasi Politik: Kesesuaian Sebagai Pembangkang Atau Pemerintah. *Asian People Journal (APJ)*, 5*(1), 129–143. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.314>.

Temubual

Abdullah Sani Abdul Hamid (2016). Temu bual di pejabatnya Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Kapar. Beliau dari parti PKR dan merupakan ahli parlimen Kapar, Selangor.

Gobind Singh Deo (19 Januari 2019). Temu bual di pejabatnya Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Puchong, P103 No 26-1, Jalan Equine 1g, Equine Commercial Park, 43300, Seri Kembangan, Selangor. Beliau dari parti DAP dan merupakan ahli parlimen Puchong.

Hashim Jasin (11 Julai 2017). Temu bual di Pejabat Perhubungan PAS Perlis. Beliau merupakan musyidul am PAS bermula 2016 sehingga kini.

Idris Ahmad (3 Julai 2017). Temu bual melalui perbualan telefon selama 30 minit. Beliau merupakan Naib Presiden PAS bermula 2015 sehingga kini.

Mohamad Hasan (2018). Temu bual di pejabatnya Tingkat 8, Menara Dato Onn, PWTC, Kuala Lumpur. Beliau merupakan Timbalan Presiden UMNO.

Mohd Fadli Ghani (2016). Temu bual di Hotel Uniten, Selangor. Beliau merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan PAS 2016.

Mohd Nakhaie Ahmad (2015). Temu bual di Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Beliau merupakan Naib Yang Dipertua Agung PAS 1983-1988 yang kemudian menyertai UMNO.

Tuan Ibrahim Tuan Man (4 Julai 2017.) Temu bual di Sungai Ramal, Kajang, Selangor. Beliau merupakan Timbalan Presiden PAS bermula 2015 sehingga kini.

Tengku Razaleigh Hamzah. (25 Oktober 2018). Temu bual di pejabatnya No31, Jalan Langgak Golf, Kelab Golf Diraja Selangor, 55000 Kuala Lumpur. Beliau dari parti UMNO dan merupakan ahli parlimen Gua Musang dan merupakan bekas presiden S46.